942/1 **STPM**

GEOGRAFI

KERTAS 1

(Dua Jam)

PUSAT TINGKATAN ENAM SEK. MEN. KEB. LABUAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEMESTER 1 / 2022

Arahan kepada calon :

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawapan untuk soalan **1** *bagi* **Bahagian A** *dan soalan* **4** *bagi* **Bahagian B** *hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.*

Untuk menjawab soalan **2** *atau* **3** *bagi* **Bahagian A** *dan soalan* **5** atau **6** *bagi* **Bahagian B**, *anda dikehendaki menggunakan helaian jawapan yang anda sediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan anda mengikut tertib berangka. Kokotkan jawapan anda bersama – sama dengan kertas soalan ini.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
Bahagian B	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 7 halaman bercetak.

BAHAGIAN A : *ALAM SEKITAR FIZIKAL*

[40 markah]

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

1 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *pemendapan sungai*? [3]

……...

……...

……...

……...

(b) Jelaskan faktor berikut yang mempengaruhi pemendapan sungai : [6]

(i) Kecerunan

……...

……...

……...

……...

(ii) Bentuk alur

……...

……...

……...

……...

(iii) Bahan muatan

……...

……...

……...

……..

*Jawab **satu** soalan sahaja.*

*Jika anda menjawab kedua – dua soalan, hanya **satu** jawapan pertama yang akan diperiksa. Tulis jawapan pada helaian jawapan yang anda sediakan.*

2 (a) Berdasarkan gambar rajah, huraikan kejadian empat musim di kawasan iklim sederhana.[12]

(b) Bincangkan **enam** kesan penerimaan intensiti bahangan suria yang rendah semasa solstis musim sejuk terhadap aktiviti manusia di kawasan beriklim sederhana.[13]

3 (a) Batuan dapat dikelaskan kepada tiga kumpulan yang besar berdasarkan pembentukannya. Bincangkan pernyataan tersebut. [13]

(b) Jelaskan **enam** kepentingan pelbagai jenis batuan kepada manusia.[12]

BAHAGIAN B : *ALAM SEKITAR MANUSIA*

[40 markah]

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

4 (a) Nyatakan **tiga** aliran migrasi antarabangsa antara benua.[3]

(i) ……...

(ii) ……...

(iii) ……...

(b) Jelaskan **tiga** faktor yang menyebabkan berlakunya migrasi antarabangsa.[6]

(i) ……...

……...

……...

……...

(ii) ……...

……...

……...

……...

(iii) ……...

……...

……...

……...

*Jawab **satu** soalan sahaja.*

*Jika anda menjawab kedua – dua soalan, hanya **satu** jawapan pertama yang akan diperiksa. Tulis jawapan pada helaian jawapan yang anda sediakan.*

5 (a) Jelaskan **enam** faktor yang mempengaruhi peningkatan jangka hayat di Malaysia.[12]

(b) Bincangkan **enam** kesan peningkatan jangka hayat penduduk terhadap pembangunan sosioekonomi di Malaysia.[13]

6 (a) Jelaskan **enam** peranan bandar dalam membantu pembangunan negara Malaysia.[12]

(b) Bincangkan masalah – masalah persekitaran fizikal akibat proses pembandaran yang pesat.[13]

BAHAGIAN A : *ALAM SEKITAR FIZIKAL*

[40 markah]

1 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *pemendapan sungai*? [3]

Pemendapan sungai bermaksud proses **aliran sungai melepaskan (penimbunan/longgokan) bahan – bahan muatan (sedimen/pasir/kelikir)** yang dibawa/diangkut apabila sungai **kehilangan tenaga** untuk mengangkut **(tenaga dan halaju/arus semakin berkurang)** apabila **kecerunan sungai semakin landai.**

[3 x 1M = 3M]

(b) Jelaskan faktor berikut yang mempengaruhi pemendapan sungai : [6]

(i) Kecerunan [2M]

- Pemendapan bahan muatan biasanya berlaku di peringkat hilir kerana **cerun yang landai**. **Kelajuan air semakin berkurang** dan menyebabkan beban muatan sungai mengalami pemendapan.

(ii) Bentuk alur [2M]

- Bentuk alur yang lurus tidak menggalakkan pemendapan kerana alur lurus menyebabkan aliran sungai deras dan masih berupaya membawa bahan muatan. **Alur yang berliku – liku** menjadikan **aliran sungai perlahan** dan membolehkan pemendapan berlaku dengan giat.

(iii) Bahan muatan [2M]

- Kuantiti bahan muatan dan jenis bahan muatan akan mempengaruhi proses pemendapan. Jika sungai membawa **banyak bahan muatan** maka akan **banyaklah bahan yang dimendapkan**. Jenis bahan muatan terdiri daripada kelodak, lanar, lempung, kelikir, pasir, batu tongkol dan bongkah batuan. Bahan – bahan halus dan ringan akan dibawa lebih jauh dan dimendapkan di muara sungai. Bahan yang besar, kasar dan berat akan dimendapkan lebih awal sama ada di peringkat muda atau dewasa. Batu – batu tongkol dan bongkah batu biasanya akan dimendapkan di peringkat muda kerana ia lebih berat dan hanya mampu diangkut oleh arus sungai yang kuat.

[3 x 2M = 6M]

(c) Huraikan kepentingan **tiga** bentuk muka bumi hasil tindakan sungai terhadap aktiviti manusia. [6]


- **Dataran banjir dan delta**. Dataran banjir dan delta yang rata boleh dijadikan kawasan **pertanian** padi sawah yang baik kerana tanah lanarnya yang subur. Sumber air juga mudah didapati daripada alur sungai. Dataran banjir dan delta juga boleh dijadikan kawasan **petempatan** penduduk.
- **Tetambak.** Tetambak dapat dijadikan kawasan laluan atau **jalan perhubungan** penduduk di sepanjang muara sungai. Mendapan tetambak yang berterusan menyebabkan tetambak menjadi tinggi melebihi aras sungai. Membolehkan dijadikan sebagai jalan perhubungan. Sungai – sungai yang besar dan panjang menghasilkan permatang tetambak yang lebih lebar sehingga penduduk boleh membina **petempatan** di atasnya.
- **Air terjun dan jeram.** Air terjun dan jeram yang terbentuk di peringkat muda sungai menjadi kawasan **pelancongan dan rekreasi**. Air terjun dan lurah V di cawangan – cawangan sungai meningkatkan halaju aliran air dari kawasan tadahan untuk ditakung di empangan untuk **membekalkan sumber air**. Air terjun/halaju air yang tinggi sesuai untuk pembinaan empangan untuk penjanaan **Kuasa Elektrik Hidro** (KEH).
- **Tasik ladam.** Dijadikan kolam untuk aktiviti **akuakultur**. Pelbagai spesies ikan air tawar seperti ikan tilapia, patin dan lampam diternak secara komersial.
- **Beting sungai (pasir/kelikir).** Untuk aktiviti perlombongan.

[Mana – mana 3 x 2M = 6M]

*Jawab **satu** soalan sahaja.*

*Jika anda menjawab kedua – dua soalan, hanya **satu** jawapan pertama yang akan diperiksa. Tulis jawapan pada helaian jawapan yang anda sediakan.*

2 (a) Berdasarkan gambar rajah, huraikan kejadian empat musim di kawasan iklim sederhana.[12]



Ekuinoks musim bunga. Keadaan di mana matahari berada tegak di Garisan Khatulistiwa pada 21 Mac. Kawasan sederhana dunia di Hemisfera Utara mengalami **musim bunga** dan kawasan sederhana di Hemisfera Selatan mengalami **musim luruh**.

S**olstis musim panas.** Keadaan di mana matahari berada tegak di Garisan Sartan pada 21 Jun. Kawasan sederhana dunia di Hemisfera Utara mengalami **musim panas** dan kawasan sederhana dunia di Hemisfera Selatan mengalami **musim sejuk**.

Ekuinoks musim luruh. Keadaan di mana matahari berada tegak di Garisan Khatulistiwa pada 23 September. Kawasan sederhana dunia di Hemisfera Utara mengalami **musim luruh** dan kawasan sederhana dunia di Hemisfera Selatan mengalami **musim bunga**.

Solstis musim dingin/sejuk. Keadaan di mana matahari berada tegak di Garisan Jadi pada 21/22 Disember. Kawasan sederhana dunia di Hemisfera Selatan mengalami **musim panas** dan kawasan sederhana dunia di Hemisfera Utara mengalami **musim dingin/sejuk.**

[Gambar rajah yang lengkap = 4M, huraian 4 x 2M = 8M. Jumlah = 12M]

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Geografi

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta